

PEMBAHAGIAN HARTA PESAKA.

DALAM

ADAT PERPATIH.

OLEH

NORAZIT SELAT.

SEMINAR ADAT PERPATIH

NEGERI SEMBILAH DARUL KHUSUS.

PEMBAHAGIAN HARTA PESAKA DALAM ADAT PERPATIH

NORAZIT SELAT

**Jabatan Penyelidikan dan Pembangunan / Jabatan Sosio-Budaya Melayu
Akademi Pengajian Melayu
Universiti Malaya**

**24 JULAI 1996
ALLSON KLANA RESORT
SEREMBAN**

**Seriusaha
Penyelidikan Budaya Muzium Negeri
M. Sembilan D. Khusus**

PEMBAHAGIAN HARTA PESAKA DALAM ADAT PERPATIH

Pengenalan

Keunikan Negeri Sembilan adalah sistem Adat Perpatihnya. Adat ini telah diamalkan zaman-berzaman dan telah diwarisi dari generasi yang terdahulu secara oral. Terdapat juga kepercayaan bahawa sistem ini telah diwarisi dari Ranah Minang kerana terdapat banyak persamaan, dari segi falsafah dan amalannya, di kedua-dua daerah tersebut. Adat Perpatih adalah satu cara hidup yang lengkap tetapi seperti sistem sosial yang lain ianya juga telah mengalami banyak perubahan. Banyak aspek-aspek adat ini yang tidak diamalkan lagi. Sebagai contoh ialah amalan membuat harta pesaka bagi kaum perempuan.

Sebagai satu sistem sosial, Adat Perpatih telah banyak dikaji, bukan sahaja oleh pengkaji-pengkaji tempatan tetapi juga oleh pengkaji-pengkaji luar, baik dari Timur mahupun Barat. Hasil kajian ini banyak terdapat di perpustakaan dalam dan luar negara, dan kebanyakan kajian-kajian ini juga telah diterbitkan sama ada dalam bentuk artikel dalam Jurnal atau buku (senarai kajian ini terlampir dalam bibliografi). Isi kandungan kajian ini juga berbeza-beza. Ada yang mengkaji sistem ekonomi, ada yang melihat sistem politik dan tidak kurang juga yang mengkaji tentang sistem pewarisan harta dan kedudukan wanita dalam sistem Adat Perpatih.

Kertakerja ini pula akan cuba mengkaji dan menilai sistem pembahagian harta pesaka dalam sistem Adat Perpatih. Walaupun isu yang akan dibicarakan ini bukanlah satu isu yang baru tetapi ia masih kerap diperbincangkan. Kebelakangan ini telah timbul satu polemik tentang isu ini dalam akhbar Utusan Malaysia dan hal tersebut telahpun dijawab dengan tepat dan wajar oleh Tan Sri Samad Idris. Polemik ini timbul kerana masih ada lagi orang lelaki Negeri Sembilan yang masih mempersoalkan sistem pewarisan harta pesaka tersebut dengan menuduh bahawa

sistem yang ada sekarang, yang telah kita amalkan zaman-berzaman itu tidak sesuai lagi kerana bercanggah dengan ajaran Islam. Pada saya orang yang tidak memahami sistem adatnya sendiri, apatah lagi hendak memahami falsafah yang tersirat disebalik sistem tersebut, adalah jahil. Kita seharusnya mengkaji sistem itu sedalam-dalamnya sebelum kita memberi pandangan yang negatif itu. Saya harap seminar ini akan membuka mata mereka yang tidak mahu memandang kepada keindahan sistem Adat Perpatih itu dan sekali gus seminar ini juga akan dapat mengikis prasangka yang ada terhadap sistem itu. Seperti kata perbilangan:

Panjatlah batang setingginya
Agar bertemu pucuk dan selaranya
Galilah akar dalam-dalam
Agar bertemu akar tunjang dan isinya

Rumah gadang beri berpintu
Supaya terang jalan ke halaman
Jika digumpal selebar kuku
Kalau dikembang selebar alam.

Kepada para pengkritik yang tidak menghalusi Adat Perpatih perbilangan juga ada mengatakan:

Kalau berguru kepalang ajar
Umpama bunga kembang tak jadi
Kalau hanya sekadar dapat didengar
Tidak akan dapat didalam dan difahami
Mengeruk tidak sehabis gaung
Meraba tidak sehabis rasa
Banyak fahamnya yang tidak langsung
Sehingga bertukar tujuan dan maksudnya.

Konsep Harta Dalam Adat Perpatih

Dalam Adat Perpatih konsep harta boleh dibahagikan kepada empat jenis, iaitu, harta pesaka, harta carian, harta pembawa dan harta dapatan. Harta pesaka hanya boleh diwarisi oleh orang perempuan dan akan dipeturunkan kepada generasi perempuan yang seterusnya dalam sesuatu suku. Harta pesaka ini termasuklah rumah, tanah, barang-barang perhiasan, perabot-perabot dan sebagainya yang dianggap berharga. Yang ditakrifkan sebagai tanah termasuklah tanah tapak rumah, tanah sawah, tanah kebun getah, tanah tebat dan tanah dusun buah-buahan.

Mengikut Hans Dieter-Evers yang mengkaji sistem tanah pesaka di Minangkabau, konsep pesaka boleh diklasifikasikan kepada dua jenis, iaitu pesaka tinggi dan pesaka rendah. Harta pesaka tinggi adalah harta yang telah dimiliki oleh lebih dari satu generasi perempuan sementara harta pesaka rendah adalah harta yang belum dipeturunkan atau diwariskan lagi tetapi harta ini ada potensi untuk menjadi harta pesaka tinggi. Harta ini akan menjadi harta pesaka tinggi setelah ianya dipeturunkan kepada anak-anak perempuan. Harta ini termasuklah, sama ada harta ayah atau ibu tetapi dengan syarat ia mestilah diwariskan kepada anak perempuan atau saudara perempuan di dalam sesuatu sukutersebut mengikut nasab ibu.

Di dalam Adat Perpatih konsep harta pesaka ini amat jelas. Mengikut perbilangan:

Terbit pesaka kepada saka
Si lelaki menyandang pesaka
Si perempuan yang punya pesaka
Orang semenda yang membela.

Jelasnya, harta pesaka adalah hak suku dan orang perempuan, yang juga merupakan saka atau pengembang zuriat sesuatu suku itu, adalah 'guardian' atau

penjaga amanah harta tersebut. Pesaka yang boleh diwarisi oleh lelaki adalah jawatan-jawatan penting dalam Adat Perpatih seperti Undang, Lembaga dan Buapak. Namun demikian pewarisan jawatan-jawatan ini juga bergantung kepada keahliannya kepada sesuatu suku yang berhak, yang sudah tentunya berdasarkan nasab ibu juga. Walaupun ahli lelaki sesuatu suku tidak berhak mewarisi tanah pesaka tetapi mereka mempunyai hak memakai. Maksudnya, mereka boleh tinggal menumpang di rumah pesaka semasa mereka bujang atau menduda, dan mereka boleh memakan hasil pertanian tanah pesaka tetapi mereka tidak boleh menjual hasil tersebut.

Harta carian pula adalah harta pencarian suami-isteri atau dikenali juga sebagai harta carian laki-bini. Apabila salah seorang dari mereka meninggal dunia harta itu tinggal untuk pasangan yang hidup dan anak-anak mereka. Kalau pasangan ini bercerai maka harta sepencarian ini dibahagi sama rata. Maka untuk mengenalpasti harta sepencarian, suami dan isteri mestilah mengistiharkan dua jenis lagi harta semasa mereka hendak berkahwin, iaitu harta pembawa dan harta dapatan.

Harta pembawa adalah harta carian suami semasa dia masih bujang. Harta ini mengikut adat boleh dituntut oleh keluarganya sekiranya suami meninggal dunia dan dia tidak mewasiatkan atau mewariskan tanah itu kepada isteri atau anak-anaknya. Sekiranya pasangan ini bercerai harta itu boleh diambil semula oleh si suami.

Harta dapatan pula adalah harta yang dimiliki oleh si perempuan sebelum dia berkahwin sama ada untuk kali pertama, kedua atau seterusnya. Termasuk dalam konsep harta dapatan ini adalah harta carian bujang, carian janda, harta sepencarian perempuan yang diperolehinya setelah dia bercerai dan harta pesaka.

Pembahagian Harta Pesaka

Di Negeri Sembilan jumlah tanah pesaka kesemuanya adalah 1382.6 hektar dan dari jumlah ini 720 hektar atau 52.1% terdapat di daerah Kuala Pilah (Azizah Kassim, 1990:130). Seperti yang kita sedia maklum tanah pesaka adalah hak kaum wanita dan hanya anak-anak perempuan dari nasab ibu yang sama sahaja berhak mewarisi harta tersebut. Maka tidak hairanlah sekiranya sebilangan besar tanah-tanah tersebut bersaiz kecil. Hal ini berlaku mungkin bukan sahaja kerana jumlah anak perempuan yang ramai tetapi juga kerana tanah pesaka yang asal itu sememangnya sedia ada kecil dan ditambah pula oleh sistem pewarisan yang telah berjalan bergenerasi lamanya. Kajian Azizah Kassim di Seri Menanti menunjukkan bahawa “pemilikan purata bagi tiap-tiap orang ialah kira-kira 0.2 hektar bagi tanah kampung dan 0.1 hektar bagi tanah sawah”(1990:131). Walau bagaimanapun, Azizah juga berpendapat,” kadar pemilikan ini tidak menggambarkan keadaan yang sebenarnya. Ada di antara orang-orang yang didaftarkan namanya sebagai pemilik sudah lama meninggal dunia dan lot kepunyaan mereka ini belum dipindah milik kepada anak-anak dan cucu-cucu (perempuan) mereka yang ramai bilangannya (1990:131).

Terdapat beberapa pola pewarisan tanah pesaka ini dalam Adat Perpatih. Mengikut adat atau kelaziman, tanah pesaka itu menjadi milik waris yang terdekat. Oleh itu keutamaan diberi kepada anak perempuan dan cucu perempuan dan selepas itu barulah adik-beradik perempuan dan anak-anak mereka. Sekiranya pemilik tanah pesaka tersebut tidak ada anak perempuan maka tanah tersebut akan diwarisi oleh ahli-ahli perut yang lain, kerana seperti yang telah dijelaskan, tanah tersebut adalah milik suku dan seharusnya tanah itu tidak jatuh ke tangan orang lain.

Mat Zean Aziz dalam kajiannya di Rembau mendapati ada lima corak pewarisan tanah pesaka yang diamalkan di sana, iaitu pewarisan secara terus, pewarisan kepada adik atau kakak atau anak saudara, pewarisan kepada sanak ibu atau anak

- (g) membelikan haji bagi si pemilik asal tanah pesaka, yang telah meninggal dunia.

Pewarisan Pesaka dan Islam

Ramai orang berpendapat bahawa oleh kerana sistem pewarisan pesaka ini memberi keutamaan kepada kaum perempuan maka ia dianggap bercanggah dengan Islam. Seperti kita sedia maklum Islam menggunakan sistem faraidh, di mana orang lelaki akan menerima dua kali ganda bahagian seorang perempuan. Jadi oleh kerana ini ramai orang lelaki yang menyatakan sistem ini tidak adil.

Sebenarnya persoalan adil atau tidak seharusnya tidak timbul kerana masalah ini telah lama diselesaikan oleh nenek-moyang kita. Bagi mereka adat dan Islam itu saling lengkap-melengkapi di antara satu sama lain. Di Minangkabau contohnya, adat itu telah wujud sebelum kemasukan Islam ke sana. Orang Minangkabau dengan mudah dapat menerima Islam kerana sistem adat mereka yang disesuaikan dengan alam banyak persamaanya dengan Islam. Mengikut perbilangan:

Penakik pisau seraut
Ambil galah batang lintabuang
Seludang ambil ke nyiru
Yang setitik dijadikan laut
Yang sekepal jadikan gunung
Alam terkembang jadikan guru

Bagi pengamal Adat Perpatih hubungan di antara adat dan Islam amat jitu. Perbilangan mengatakan:

Adat bersendikan syarak
Syarak bersendikan kitabullah (Al Quran)
Syarak mengata adat memakai
Cermin yang tidak kabur

Pelita yang tidak padam

Kedua-dua adat dan Islam menuntut pengikut-pengikutnya berbuat baik dan menghindarkan kejahatan.

Pada adat

menghilangkan yang buruk

menimbulkan yang baik

Pada syarak

menyuruh buat baik

menegah berbuat jahat.

Seperti Islam, Adat Perpatih juga mengamalkan sistem muafakat dan musyawarah di dalam usaha mencari sesuatu jalan penyelesaian. Pewarisan pesaka ini juga telah dibuat berlandaskan muafakat kerana lazimnya semua ahli suku yang terlibat, lelaki dan perempuan, telah bersetuju dengan pembahagian tersebut. Perbilangan ada mengatakan:

Walaupun hinggap yang mencekam

Kuku yang tajam tidak berguna

Kalau memegang tampuk alam

Kata muafakatliah yang lebih berkuasa

Duduk seorang bersempit-sempit

Duduk bersama berlapang-lapang

Kata seorang dibulatkan

Kata bersama dimusyawarahkan

Yang raja kata muafakat

Yang benar kata seia

Sayugia diingatkan juga bahawa orang lelaki Adat Perpatih juga berhak ke atas harta-harta lain yang tidak ditakrifkan sebagai harta pesaka. Contohnya, mereka

sanak ibu, pewarisan kepada sanak datuk atau anak sanak datuk dan pewarisan kepada sanak moyang (1990:75) Pewarisan secara terus bermaksud harta itu diwariskan kepada orang yang sememangnya mempunyai hak utama menerima harta tersebut, iaitu anak perempuan, darah daging sendiri.

Lazimnya, selain pewarisan secara terus, pola pewarisan yang lain melibatkan dua proses, iaitu proses jual-beli atau pembayaran pampasan kepada si pemilik harta pesaka ataupun tanah itu diberi melalui sistem umpukan. Di dalam sistem umpukan ini tanah itu diwariskan kepada anak sanak ibu ataupun sanak datuk kerana si pemilik harta yang tidak beranak perempuan telah memelihara pewaris tersebut sejak pewaris itu kecil lagi. Jadi pewarisan tanah pesaka dalam hal ini telah dibuat berdasarkan kasih sayang (Mat Zean Aziz, 1990:76). Di dalam proses yang pertama, si pemilik harta mungkin telah menjualkan tanah tersebut untuk membiayai perjalanannya ke Mekah untuk mengerjakan haji atau wang itu digunakan untuk 'membeli haji' ibunya yang tidak sempat mengerjakan ibadat tersebut.

Sebagai pemegang amanah kepada tanah atau harta pesaka, kaum wanita yang menerima pesaka tersebut tidak dapat lari dari menjalankan beberapa tanggungjawab yang dikenali juga sebagai hutang pesaka. Di antara lain tanggungjawab ini termasuklah:

- (a) membayar hutang saudara lelakinya yang masih bujang
- (b) memberi tempat tinggal kepada saudara lelakinya yang masih bujang atau yang menduda atau yang sakit
- (c) membayar belanja mengisi adat nikah kahwin atau denda-denda yang berkaitan dengan adat
- (d) mengeluarkan belanja untuk menyelenggarakan kematian dan kenduri-kendara yang berkaitan
- (e) membantu belanja menunaikan fardhu Haji di Mekah
- (f) memberi belanja menuntut ilmu di luar negeri

mempunyai hak ke atas tanah kebun, tanah sawah, tanah kebun getah, keris, kereta, saham sebagainya yang tidak dikategorikan sebagai harta pesaka.

Pemberian harta pesaka ini kepada perempuan ada rasional dan falsafahnya tersendiri. Tujuan utama ia dilakukan ialah untuk menjaga maruah dan harga diri kaum perempuan Adat Perpatih terutama kalau mereka diceraikan. Jadi sekurang-kurangnya mereka ada harta untuk menyara hidup mereka anak beranak. Harta ini juga mungkin dapat memudahkan usaha mereka mencari jodoh yang baru. Si suami hanya perlu mengerjakan tanah yang sedia ada sahaja. Sekiranya si perempuan tidak mempunyai harta pesaka mungkin senario ini berbeza sekali. Mereka mungkin terdesak untuk melakukan kerja-kerja maksiat untuk menampung kehidupan mereka sekeluarga.

Di dalam Adat Perpatih tersirat juga nilai-nilai mral yang tinggi sesuai dengan ajaran Islam. Sebagai contoh, Adat Perpatih mementingkan konsep budi dan kepentingan budi dapat dilihat dalam perbilangan berikut:

Kuat rumah kerana sendi
Rosak sendi rumah binasa
Kuat bangsa kerana budi
Rosak budi hancurlah bangsa

Konsep budi di dalam diri seseorang insan Adat perpatih seharusnya tercerna dalam empat nilai lai pula iaitu, rasa, perisa, malu dan sopan. Rasa adalah apa yang terasa atau tercuit oleh diri seperti kata perbilangan:

Yang elok dek awak
Setuju dek orang hendaknya
Sakit dek awak sakit dek orang
Lemak dek awak lemak dek orang.

Perisa pula ialah perasaan yang di rasakan oleh hati nurani manusia. Malu pula adalah sifat-sifat positif yang harus ada pada diri seseorang. Kita harus malu kerana kita miskin dan dengan itu harus berusaha dengan lebih gigih lagi untuk

menempa kejayaan. Kita juga harus malu kalau saudara perempuan kita hidup merempat kerana hartanya dibolot oleh saudara lelakinya. Sopan pula adalah tingkah-laku di dalam pergaulan sehari-hari. Jadi selagi orang Adat Perpatih masih memiliki rasa, perisa, malu dan sopan selagi itulah mereka harus akur bahawa sistem pewarisan pesaka mereka itu merupakan sesuatu yang baik untuk mereka.

Kesimpulan

Sistem pewarisan pesaka Adat Pepatih ini bukanlah satu sistem yang sempurna tetapi ia merupakan satu sistem pembahagian harta yang terbaik bagi masyarakat Adat Perpatih amnya dan kaum perempuan khususnya. Dari segi hukum adat sistem ini tidak boleh dipertikaikan lagi kerana memang jelas bahawa harta pesaka itu adalah hak perempuan. Sebarang pertikaian yang berlaku mungkin dari segi menentukan siapa-sipakah pewaris yang sah menerima pesaka tersebut.

Walaupun ada pendapat yang mengatakan sistem faraidh itu lebih adil lagi tetapi apa yang jelas sistem ini bukanlah satu sistem yang mutlak. Sistem ini, seperti juga undang-undang dan peraturan-peraturan yang diadakan, akan hanya dirujuk sekiranya ada pertelagahan. Pada dasarnya Islam juga menggalakkan muafakat, musyawarah dan perundingan untuk menyelesaikan sebarang sengketa yang membabitkan pewarisan harta. Perlu juga diingatkan bahawa orang yang di luar Adat Perpatih juga tidak menggunakan sistem faraidh ini sepenuhnya. Kajian Lim Teck Ghee dan rakan-rakan di kawasan perairan Muda, Kedah mendapati ada tuan-tuan tanah yang membahagi-bahagikan tanahnya semasa dia masih hidup lagi (1980:9). Ini mereka lakukan melalui sistem hebah. Melalui hebah Tuan-Tuan tanah ini telah mewariskan tanahnya kepada anak perempuan kesayangannya, supaya anak tersebut mendapat hak yang lebih daripada jika harta tersebut dibahagikan secara faraidh.

BIBLIOGRAFI

- Azizah Kassim, "Women, Land and Gender Relations in Negeri Sembilan : Some Preliminary Findings", dalam Kato dan Shamsul (eds). Socio-Economic Change and Cultural Transformation in Rural Malaysia : A Preliminary Research Report, Kyoto, Center of Southeast Asian Studies.**
- Azizah Kassim, "Adat Perpatih, Tanah dan Pembangunan Pertanian di Negeri Sembilan", dalam Norazit Selat (ed). Negeri Sembilan : Dahulu dan Sekarang.**
- Dieter-Evers, H., "Changing Patterns of Minangkabau Urban Land Ownership", Bijdragen, 1975.**
- Fett, L., "Women's Land in Negeri Sembilan" dalam Manderson, L., (ed). Women's Work and Women's Roles. Canberra, ANU Press 1983.**
- Idrus Hakimy, Rangkaian Mustika Adat Basandi Syarak di Minangkabau, Bandung, Penerbit Remaja Rosdakarya, 1991.**
- Josselin de Jong, Minangkabau and Negeri Sembilan : Social Political Structure in Indonesia, Leiden, 1951.**
- Mat Zean Abdul Aziz, "Pewarisan Tanah Pusaka : Satu Kajian di Rembau" dalam Norazit Selat (ed), Negeri Sembilan : Dahulu dan Sekarang.**
- Norazit Selat, "Konsep Pusaka Dalam Adat Perpatih : Satu Catatan Ringkas", PURBA, Bil.1, 1982.**
- Norazit Selat, "Konsep Tanah Dalam Masyarakat Melayu", Malaysia Dari Segi Sejarah, no. 10, 1981.**
- Norazit Selat, "Economic Structure and Property Inheritance of Adat Perpatih", di dalam Nellie Tan-Wong dan Patel, V., Adat Perpatih : A Matrilineal System, Kuala Lumpur, Wintrac Publication 1992.**
- Norazit Selat, Negeri Sembilan : Dahulu dan Sekarang, Kuala Lumpur, Persatuan Muzium Malaysia, 1990.**
- Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, Kuala Lumpur, Utusan Melayu, 1982.**
- Swift, M.G., Malay Peasant Society in Jelebu, London, The Athlone Press, 1965**